

## ONLINE NEWS

**MEDIA:** Utusan Online

**DATE:** 14 February 2015

**LINK:** <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/tiada-pertambahan-kos-bagi-projek-mrt-1.59180>

### Tiada pertambahan kos bagi projek MRT



Ahmad Maslan (kiri) meninjau kerja-kerja pembinaan di Stesen MRT Taman Midah, Kuala Lumpur semalam. – BERNAMA

KUALA LUMPUR 13 Feb. – Pembinaan projek Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang yang bernilai RM22.18 bilion berjalan lancar dan tidak akan melibatkan sebarang pertambahan kos.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan berkata, tahap kemajuan projek berkenaan sehingga Januari tahun ini ialah sebanyak 59.5 peratus berbanding pada 58.5 peratus pada Disember lalu.

“Dalam projek ini, sebanyak 73.13 peratus membabitkan pelaksanaan kerja-kerja bawah tanah dan 49.2 peratus lagi kerja-kerja jajaran bertingkat.

“Projek ini tidak memerlukan sebarang kos tambahan kerana bahan atau peralatan yang digunakan kebanyakannya barangan tempatan. Bahan import turut digunakan tetapi dalam jumlah yang kecil,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau pembinaan di tapak projek Stesen MRT Taman Midah di sini, hari ini.

Yang hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.), Datuk Seri Shahril Mokhtar; Pengarah MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn. Bhd., Datuk Goon Heng Wah dan Pengarah Projek MRT Sungai Buloh-Kajang MRT Corp., Marcus Karakashian.

Ahmad memberitahu, sebanyak 38 pakej kerja dalam projek itu yang melibatkan nilai RM10.6 bilion telah diberikan kepada syarikat kontraktor Bumiputera.

“Pakej ini adalah atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa mengumumkan pelaksanaan projek ini dan kita telah menyerahkan kepada Bumiputera yang terlibat,” katanya.

Dalam pada itu, Shahril berkata, syarikat itu telah menetapkan untuk melaksanakan paparan awam bagi laluan kedua MRT menjelang akhir Mei nanti.

Katanya, perubahan kecil dibuat pada laluan kedua bagi menempatkan terminal laluan kereta api berkelajuan tinggi Malaysia-Singapura.

“Dengan sedikit perubahan pada jajaran itu, kita perlu kembali kepada lakaran dan mengemukakan semula penjajaran baharu kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat,” katanya.